

# USAH MERENDAHKAN ORANG LAIN

Surah Al-Hujuraat, ayat 11

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا يُسْخِرُونَ قَوْمًا مِّنْ قَوْمٍ  
عَسَى أَنْ يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka.

(surah al-Hujurat, ayat 11)

## Kupasan Ayat

- Ini adalah nasihat dan arahan Allah kepada mereka yang mengaku telah beriman
- Allah melarang kita mempersenda orang lain untuk mengatakan kita lebih baik daripada mereka
- Kebiasaan mereka yang merendahkan orang lain kerana mahu menunjukkan dirinya lebih tinggi daripada orang yang direndahkan
- Boleh jadi mereka yang direndahkan itu lebih baik di sisi Allah.

## Refleksi Diri

- Hendak menjadi lebih baik ada banyak cara tanpa menjatuhkan orang lain
- Rendahkan hati dan jangan sangka kita lebih baik daripada orang lain
- Garilah kelebihan orang lain supaya kita saling berkasih sayang

